

13 SEP 2003

MAHATHIR-PAMERAN MOTOR/I

DR MAHATHIR LAWAT PAMERAN MOTOR ANTARABANGSA KL

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat Pameran Motor Antarabangsa Kuala Lumpur 2003 (KLIMS '03) yang ketika ini sedang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Bercakap kepada pemberita selepas menghabiskan masa selama sejam di sana, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan kejayaan Pameran Motor Antarabangsa Kuala Lumpur itu.

"Rakyat Malaysia kini semakin berminat dengan industri automobil dan automotif dan ia adalah satu petanda baik," katanya.

Sejumlah 238 syarikat mengambil bahagian dalam pameran motor selama 10 hari itu yang berakhir esok.

KLIMS '03 dianjurkan oleh Persatuan Automotif Malaysia (MAA) dan diuruskan bersama oleh Interexpo (M) Sdn Bhd dan Trade-Link Exhibition Services Sdn Bhd.

Penganjur menjangka mencatatkan jualan kereta yang lebih baik berikutan permintaan tinggi terhadap kereta sedan kelas pertengahan dan kelas eksekutif separa-mewah.

Terdapat juga permintaan yang meningkat daripada rakyat Malaysia bagi kenderaan dari Jepun dan Korea Selatan dan Benua Eropah.

KLIMS 2002 mencatatkan jualan RM250 juta. -- BERNAMA

WNZ MKO FR ZK